

“HIKMAH DI SEBALIK UJIAN ALLAH SWT”

(5 Oktober 2018 / 25 Muharram 1440)

الحمد لله الذي جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا وَمَهَادًا، وَجَعَلَ السَّمَاءَ سَقْفًا مَحْفُوظًا، وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقِدَرَهُ تَقْدِيرًا، وَأَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَأَحْصَى كُلَّ شَيْءٍ عَدْدًا. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَإِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، وَصَفِيهُ وَخَلِيلُهُ، وَخَيْرُهُ مِنْ خَلْقِهِ، الَّذِي بَلَغَ الرِّسَالَةَ، وَأَدَى الْأَمَانَةَ، وَنَصَحَّ الْأَمَّةَ، وَتَرَكَنَا عَلَى الْمَحَاجَةِ الْبَيِّنَاتِ لِيُلْهِمَ كَثَارِهَا لَا يَزِيقُ عَنْهَا إِلَّا هَالِكٌ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِّبِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ بَيْتِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى أَزْوَاجِهِ أَمْهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ، وَعَلَى أَصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ جَلَّ وَعَالَ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَانِهِ، وَلَا تَمُونُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷺ dengan bersegera melakukan segala suruhan dan perintah-Nya serta menjauhi segala larangan dan tegahannya. Pasakkan diri dengan keimanan, hiasilah diri dengan ketakwaan. Mudah-mudahan kita dijauhkan oleh Allah ﷺ daripada azab siksaan api neraka yang tidak terperi sakitnya.

Mimbar mengajak jemaah sekalian, marilah kita bersama-sama menginsafi dan menghayati khutbah yang akan disampaikan pada hari ini dengan tajuk “**Hikmah Di Sebalik Ujian Allah**”.

PARA TETAMU YANG DIKASIHI ALLAH

Sebagai orang yang beriman, kita pasti akan diuji oleh Allah ﷺ dengan pelbagai cubaan dan dugaan bagi mengetahui kualiti keimanan hamba-Nya. Kita juga akan menyedari kedhaifan diri dan mengakui kekuasaan Allah ﷺ melalui ujian yang ditempuh. Firman Allah ﷺ dalam surah Al-‘Ankabut ayat 2 – 3:

﴿أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا إِنَّا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴾٢٠ ﴿وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ﴾

Maksudnya: “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang yang berdusta.”

Dengan itu, Allah ﷺ akan menguji manusia melalui bencana, malapetaka, kesusahan dan kepayahan bagi melatih kesabaran serta memperteguhkan keimanan dalam melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah ﷺ. Firman Allah ﷺ dalam Surah al-Baqarah ayat 155-156:

﴿وَلَنَبْلُونَكُمْ بِشَئٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَفْصِ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرُ الصَّابِرِينَ ﴾١٥٥ ﴿الَّذِينَ إِذَا أَصَبْتَهُمْ مُّصِيبَةً قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ﴾

Bermaksud: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar. Orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada-Nyalah kami kembali.”

Setiap ujian daripada Allah ﷺ menjadi medan tautan kasih sayang kita kepada saudara-saudara seagama yang ditimpa penderitaan sehingga mendorong kita membantu mereka atau sekurang-kurangnya mendoakan kesejahteraan mereka. Imam Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "من نَفْسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً من كُرَبِ الدنيا، نَفْسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً من كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ. وَمَنْ يَسِّرَ عَلَى مَعْسِرٍ، يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ. وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ. وَاللَّهُ فِي عَوْنَ العَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَ أَخِيهِ".

Mafhumnya: "Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda: "Barang siapa yang meringankan satu kesusahan seorang mukmin, Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Barang siapa yang memudahkan urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkan untuknya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) saudaranya sesama muslim, Allah menutupi (aib) nya di dunia dan di akhirat. Allah sentiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu suka menolong saudaranya."

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Antara bentuk ujian Allah سبحانه وسبقه ialah bencana alam gempa bumi yang berlaku disebabkan oleh pergerakan mengejut di permukaan bumi yang berbatu. Pergerakan ini terjadi apabila tenaga yang tersimpan dalam bumi terlepas dalam bentuk geseran batu. Kekuatan gempa bumi digredkan daripada satu hingga sembilan berdasarkan skala Richter. Skala 7 sehingga 10 merupakan tahap gegaran yang paling kuat yang boleh menyebabkan kehancuran dahsyat dan mencetuskan Tsunami.

Dunia telah menyaksikan beberapa siri kejadian gempa bumi yang amat dahsyat sehingga mengorbankan ratusan ribu nyawa manusia dalam sekilip mata sahaja. Umapamanya gempa bumi terkuat pernah berlaku adalah di Chile pada tahun 1960 yang mencatatkan gegaran pada skala 9.5 skala richter. Seterusnya, di Tangshan, China pada tahun 1976 dengan kekuatan mencapai angka 8.3 skala richter dan merekodkan kematian lebih 200,000 mangsa. Tanggal 26 Disember 2004, dunia digemparkan dengan tragedi bencana alam akibat gegaran gempa dengan kekuatan 9.3 skala richter mengakibatkan

Tsunami yang meragut kira-kira 250,000 nyawa di Aceh, Indonesia dan tujuh buah negara lain.

Yang terkini, pada Jumaat 28 September yang lalu, kita sekali lagi dikejutkan dengan gempa bumi berukuran 7.4 skala richter dan tsunami yang melanda bandar Palu dan Donggala di Sulawesi, Indonesia. Sejumlah 30,000 penduduk kehilangan tempat tinggal dan 1.5 juta penduduk menerima kesan yang teruk akibat bencana alam tersebut. Seramai 1,234 penduduk terkorban dan sebahagian besar lagi mangsa mengalami cedera parah.

Kita semua menzahirkan rasa simpati atas musibah ini dan merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga mangsa yang terlibat. Sesungguhnya ini adalah merupakan ujian dan ketentuan takdir Allah ﷺ buat hamba-Nya yang tidak mampu untuk kita menghalangnya sebagaimana firman-Nya dalam surat At-Taubah ayat 51:

﴿قُلْ لَّنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ﴾

Maksudnya: “Katakanlah: Tidak sekali-kali akan menimpa Kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal.”

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Islam sebagai agama *rahmatan lil 'alamin* (membawa rahmat kepada sekalian alam) amat mengambil berat tentang kebaikan seluruh umat manusia tanpa mengira pangkat, darjah, keturunan, agama dan bangsa. Ajaran dan panduan Islam meliputi segala perilaku manusia dalam apa juu keadaan dan situasi, termasuklah ketika berada dalam kesenangan dan kelapangan ataupun ketika ditimpa musibah dan malapetaka.

Dengan itu, mimbar juga memaklumkan bahawa JAKIM telah melancarkan Tabung Gempa Bumi dan Tsunami Sulawesi menerusi masjid-masjid dan surau di bawah pentadbiran JAKIM dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai inisiatif membantu mangsa dan keluarga. Justeru mimbar menyeru rakyat Malaysia untuk sama-sama menyumbang dan mendoakan agar Allah ﷺ mengembalikan kesejahteraan kepada para penduduk Sulawesi, Indonesia.

Harus juga diingat, bencana alam seperti gempa bumi yang sering berlaku di negara-negara lain berkemungkinan boleh berlaku di negara kita pada masa akan datang. Oleh itu, kita harus menginsafi dan mengambil iktibar daripada segala kejadian yang berlaku di sekeliling. Dalam menikmati kesenangan, kita diingatkan supaya tidak lalai dan leka dengan tanggungjawab sebagai Muslim dan menjalani kehidupan menurut Islam dengan erti kata yang sebenar dengan sentiasa patuh tunduk melaksanakan perintah serta menjauhi larangan Allah ﷺ.

Mimbar turut mengajak seluruh rakyat Malaysia agar mempersiapkan diri sekiranya berlaku sebarang bentuk bencana (وَالْعِيَادُ بِاللَّهِ). Dalam konteks ini termasuklah menjaga dokumen pengenalan diri supaya sentiasa dalam keadaan selamat dan dapat digunakan dengan selesa. Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah memainkan peranan yang penting dalam usaha memastikan keselamatan dan pemeliharaan rekod kependudukan rakyat Malaysia seluruhnya agar sentiasa terjamin serta membantu mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara selari dengan sambutan Hari Pendaftaran Negara 2018 yang disambut pada 1 Oktober setiap tahun.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menghayati rumusan khutbah berikut:

- Pertama:** Meyakini bahawa setiap kejadian bencana merupakan ujian dan peringatan yang berlaku atas kekuasaan takdir Allah ﷺ.
- Kedua:** Mempunyai sifat belas kasihan dan prihatin terhadap mangsa bencana dan menghulurkan segala bentuk pertolongan yang termampu.
- Ketiga:** Menyedari hikmah di sebalik bencana yang menimpa yang perlu diinsafi dan diambil iktibar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
﴿ظَاهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ﴾

Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَقُولُ مِنْ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
سَيِّدُ الْخَلَاقِ وَالْبَشَرِ . اللَّهُمَّ صَلُّ وَسِّلُّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا
: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ، يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا

تَسْلِيماً

الَّهُمَّ صَلُّ وَسِّلُّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيَتْ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارَكْ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا
بَارَكَتْ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَى بْنِ أَبِي
طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَائِبِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ
وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكَرِامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ
كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كِبَاوَهُ دُولِي

يُغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِيْ قَادُوكْ بِكِينِدا يُغْ دَفْرَتوَانَ اكُوْغْ كَلِيمَا بَلسْ.

سَلَطَانُ مُحَمَّدٍ كَلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَائِبِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحْ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ . أَللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرَعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلَوْزَرَائِهِ سَيِّلاً وَمِنْهَا جَاهًا . وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجَاهًا . أَللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَنَةً رَحِيْةً .
 أَللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينَ،
 أَللَّهُمَّ أَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالظُّلْمَاءَ وَالظَّالِمِينَ يَارَبِّ الْعَالَمِينَ، أَللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَا فِي كُلِّ مَكَانٍ،
 وَأَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، أَللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحْدَ صُفُوفُهُمْ، يَا رَبَّ
 الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanlah perpaduan di kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ﴾
 ﴿رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾
 عِبَادَ اللهِ،
 ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتِ وَإِيتَاهِي ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .